

Muhammad Suhaib
Mohd Shapiee
am@hmetro.com.my

Georgetown

Mayat seorang lelaki mangsa bot karam pada malam Jumaat lalu ditemui orang awam di perairan Gurney, di sini, pagi semalam iaitu 35 jam selepas dilaporkan hilang.

Timbalan Pengarah Operasi Daerah Maritim 2 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Komander Maritim Azman Samsudin berkata, mayat lelaki berusia 62 tahun itu ditemui jam 8.04 pagi.

"Bot fiber dinaiki mangsa bersama enam rakan terbalik selepas dihempas ombak di tengah laut ketika pulang daripada membuat pementauan untuk memulakan projek di sekitar kawasan kejadian jam 9 malam, 26 Ogos lalu.

"Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) diaktifkan sejurus menerima panggilan kecemasan daripada orang awam dan enam daripada mereka diselamatkan," katanya.

Azman berkata, operasi itu ditangguhkan jam 7.40 malam kelmarin akibat ombak besar dan cuaca gelap sebelum disambung semula jam 7.30 pagi semalam.

Beliau berkata, sebaik ditemui, jenazah Rosmin Selamat, 62, diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan



JENAZAH mangsa bot karam dibawa ke Jabatan Perubatan Forensik Pulau Pinang untuk didekap siasat.



AHLI keluarganya menunggu keputusan forensik di Jabatan Perubatan Forensik Hospital Pulau Pinang.

29-08-2016

FOTO: SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL

Penantian 35 jam

Jenazah mangsa bot karam ditemui di perairan Gurney



"Saya sempat bercakap dengan ayah dalam telefon untuk bertanya khabar Shamsul Bharin Shah Rosmin"

SHAMSUL Bharin menunggu berita mangsa karam di tepi pantai.

lanjut dan seterusnya SAR ditamatkan jam 10 pagi semalam. Sementara itu, anak

mangsa, Shamsul Bharin Shah Rosmin, 34, berkata, kali terakhir dia bertemu ayahnya ketika menyambut

Aidilfitri lalu.

"Seminggu lalu saya sempat bercakap dengan ayah dalam telefon untuk berta-

nyakan khabar.

"Saya sedih dan terkejut dengan berita kematian ayah dan sebaik semua urusan di

sini selesai, saya akan membawa jenazahnya pulang ke Johor untuk dikebumikan di sana," katanya.